

KESIMPULAN

Secara prinsipnya, kerangka keusahawanan menurut perspektif Islam mengandungi garapan tentang prinsip-prinsip muamalah yang bersifat dinamis dan dikodifikasikan sebagai peraturan perekonomian yang sentiasa memenuhi kehendak dan realiti sosioekonomi masyarakat semasa. Konsep keusahawanan Islam mempunyai sifat dan nilainya yang unik disebabkan ia dikawal oleh peraturan keagamaan (Khurshid Ahmad, 1981). Dengan lain perkataan ia dapat difahami bahawa sifat normatif yang membentuk kerangka keusahawanan perlu berasaskan kepada acuan al-Quran dan panduan yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW (al-Sunnah).

Sehubungan dengan itu, dalam disiplin perundangan Islam, perbincangan yang menyentuh topik keusahawanan lazimnya diklasifikasikan di bawah komponen fiqah muamalah. Dalam disiplin keilmuan ini, ruang lingkup yang berkaitan dengan aktiviti keusahawanan merupakan sebahagian daripada ilmu ekonomi (Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad, 2005). Dari dimensi yang lain ia turut melibatkan interaksi muamalah manusia secara global berasaskan doktrinisasi tauhid iaitu konsep *hablumminannas* dan *hablulumminallah*. Melalui proses ini kepentingan peribadi manusia dapat diselaraskan secara harmoni dengan kepentingan umum masyarakat yang berpotensi untuk mewujudkan keadilan dan nilai-nilai murni dalam sistem keusahawanan Islam. Berdasarkan objektif yang murni ini, sistem keusahawanan Islam dilihat bersifat komprehensif disebabkan ia tidak hanya terikat kepada faktor ekonomi semata-mata tetapi juga mengambil kira faktor yang tidak bersifat ekonomi seperti nilai-nilai murni, bersifat kemanusiaan dan sebagainya. Sifat-sifat yang dinyatakan ini mempunyai peranannya dalam mencapai kesejahteraan di alam dunia dan akhirat.

Sekiranya dibuka lipatan sejarah dunia Islam silam Nabi Muhammad SAW pernah terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan. Asas keusahawanan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW boleh dijadikan panduan kepada manusia untuk merangka sistem keusahawanan yang dinamik dan mengenal pasti batasan gelagat manusia yang menguruskannya. Oleh kerana bidang keusahawanan dan perniagaan memberi sumbangan yang besar dalam memacu perkembangan ekonomi masyarakat maka Islam bersikap positif terhadap aktiviti sedemikian.

Sehubungan dengan itu, keunikan yang terdapat dalam sistem keusahawanan Islam disebabkan ia bukan hanya berasaskan kepada *observed principles* atau teori ekonomi ciptaan manusia semata-mata sebaliknya ia diadunkan dengan *revealed principles* (wahyu). Melalui kombinasi kedua-dua elemen tersebut ia membentuk disiplin keusahawanan yang bercirikan Islam dan menjadi panduan dan peraturan kepada gelagat hidup manusia untuk berinteraksi sesama manusia dan juga Penciptanya. Secara tidak langsung ia dapat membentuk *Blueprint Entrepreneurs* yang strategik dan dalam masa yang sama masyarakat Islam dapat mengelakkan daripada aktiviti keusahawanan yang menyimpang daripada prinsip Islam (Fazlur Rahman, 1991).

Oleh kerana sistem keusahawanan perlu diikat dengan prinsip-prinsip teologi maka sudah tentulah setiap aktiviti keusahawanan perlu didominasi dengan nilai-nilai murni. Istilah nilai-nilai murni menurut perspektif Islam bukan hanya ditentukan oleh manusia semata-mata tetapi ia telah ditentukan oleh Allah melalui wahyu. Wahyu menjadi sumber rujukan yang hakiki tentang kebergunaan semua perkara. Sesuatu perkara atau perbuatan yang telah diiktiraf baik dan mulia secara asasnya bersifat dogmatif dan bersesuaian dengan fitrah manusia. Nilai bersifat hakiki dan Allah merupakan sumber teragung kepada semua nilai. Oleh itu, nilai mutlak menjadi asas kepada semua nilai dalam kehidupan manusia ialah keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Yang Esa. Berasaskan nilai